

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY
[KAPAR – PKR]**

TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)

SOALAN (NO. 62)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :

- (a) Langkah-langkah Kerajaan untuk memperbaiki dan memartabatkan sukan Bola Sepak akibat kegagalan di peringkat antarabangsa dan kemerosotan dari sudut prestasi serta kedudukan ranking semasa FIFA yang menjunam dimana skuad Harimau kini berada di kedudukan yang terendah pernah dicapai dalam bola sepak dunia iaitu 164 daripada 209 buah negara.
- (b) Jumlah pemain sukan negara yang pernah terlibat dengan kes makan ubat tidak diizinkan dari tempoh masa 1071 hingga 1980, 1981 hingga 1990, 1991 hingga 2000, 2001 hingga 2010 dan 2011 hingga 15 Mei 2015 serta langkah-langkah Kerajaan untuk menangani isu sebegini pada masa depan.

SULIT

JAWAPAN (A)

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tugas untuk membangunkan sukan bola sepak adalah di bawah tanggungjawab Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM). Walau bagaimanapun Kerajaan melalui Kementerian Belia Dan Sukan banyak membantu dalam aspek pembangunan dan kewangan dalam meningkatkan lagi keberkesanan program pembangunan bola sepak negara.
2. Kementerian juga mengakui bahawa skuad utama bola sepak kebangsaan sedang mengalami kejatuhan prestasi jika diukur berdasarkan **ranking ke-164** yang dikeluarkan oleh FIFA pada bulan April 2015 yang lalu. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kejatuhan *ranking* bola sepak ini adalah disebabkan oleh skuad bola sepak negara kita tewas dalam beberapa siri perlawanan persahabatan antarabangsa yang diambil kira dalam perkiraan menentukan ranking bola sepak oleh Persekutuan Bola Sepak Dunia (FIFA).
3. Bagi perancangan jangka pendek, Kementerian berharap pihak Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dapat mengkaji pemilihan pasukan-pasukan yang akan kita hadapi bagi perlawanan persahabatan antarabangsa sama ada untuk tujuan pendedahan kepada pemain atau pun untuk meningkatkan semula *ranking* bola sepak negara.

SULIT

4. Manakala bagi perancangan jangka masa panjang, Kementerian Belia Dan Sukan telah pun menyediakan satu Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN), yang bertujuan untuk memastikan pembangunan pemain, kejurulatihan, kemudahan dan pertandingan dilaksanakan secara berterusan diperingkat akar umbi. Sasaran utama PPBN ini adalah untuk menyediakan satu landasan bagi mengilap bakat pemain-pemain yang berumur antara 7 sehingga 17 tahun ke arah melahirkan wira bola sepak negara dan memartabatkan pasukan kebangsaan satu hari nanti. PPBN ini juga akan dijadikan tapak penyediaan pemain-pemain yang mampu bersaing di Kejohanan **Piala Dunia Remaja bawah 17 tahun** pada **tahun 2019**.

JAWAPAN (B)

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Agensi Anti-Doping Malaysia (ADAMAS) tidak menjumpai apa-apa rekod tentang *anti-doping* sebelum tahun 1998. Berdasarkan rekod mulai tahun 2000 hingga 2014, seramai 87 atlet terlibat dengan kes positif melalui hasil ujian di dalam pertandingan dan di luar pertandingan. Jika dibuat perbandingan, ujian doping dikalangan atlet Malaysia tidak melibatkan ujian darah sebelum ini berbanding negara luar yang mana ujian tersebut adalah lebih terperinci.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Agensi Anti Doping Malaysia (ADAMAS) telah merangka strategi jangka pendek iaitu dengan mengukuhkan program ujian berdasarkan strategi yang menekankan **smart testing** di mana ujian dilakukan berdasarkan kategori sukan yang berisiko tinggi dalam penggunaan bahan terlarang. Ujian *anti doping* akan

SULIT

merangkumi ujian air kencing, ujian darah, *Athlete Biological Passport* dan *steroid profile*. Kaedah ini lebih berkesan dalam menangani gejala *doping* dalam sukan. Elemen risikan dan siasatan juga akan dilaksanakan untuk memantau dan melindungi atlet dari kesalahan *doping* contohnya seperti menyekat bekalan *steroid* dan bahan terlarang lain yang kini mudah dijual secara atas talian(*online*) di laman sosial seperti *facebook*.

3. Selain itu, masyarakat sukan keseluruhannya perlu mengamalkan budaya *Zero Tolerance*, dan pendidikan *anti doping* juga dilaksanakan dengan agresif dan menyeluruh di mana program ini memfokuskan bukan sahaja atlet malah para jurulatih dan semua pemegang taruh harus mempunyai sikap yang serius dalam membanteras gejala ini bersama. Setiap pihak perlu memainkan peranan masing-masing dalam menyokong dan membantu ADAMAS di dalam usaha ini. Program-program yang menitikberatkan informasi, kesedaran dan aspek nilai-nilai moral akan dilaksanakan bagi memastikan para atlet dan jurulatih peka terhadap informasi semasa mengenai *anti doping*.
4. Manakala strategi jangka panjang adalah dengan melaksanakan Program Pendidikan yang berasaskan nilai moral dalam membanteras gejala *doping* di dalam sukan. Antaranya dengan pemantauan berterusan dalam latihan supaya apa-apa lonjakan prestasi betul-betul kerana program latihan yang dirancang. Maka apa-apa kaitan peningkatan prestasi dapat dikenalpasti sama ada melalui prestasi sebenar atau penggunaan bahan terlarang.

SULIT

5. Selain itu, Kementerian akan mengkaji undang-undang yang sedia ada untuk dikuatkuasakan dalam membendung bekalan dan sebaran bahan terlarang.

Sekian, terima kasih.